

Negara ekonomi sedang membangun di Asia Timur dan Pasifik, termasuk Malaysia yang baru pulih daripada kesan perang perdagangan Amerika Syarikat (AS) dan China pada tahun 2019, kini bergelut pula dengan impak COVID-19. Virus ini telah menular ke seluruh dunia dan meninggalkan kesan ekonomi luar biasa yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Malaysia sebagai negara ekonomi terbuka, tidak terkecuali berhadapan dengan risiko kejutan kewangan dan kemelesetan global. Dari segi penawaran, pandemik COVID-19 mengakibatkan gangguan dalam rantai nilai penawaran. Banyak kilang pembuatan menghadapi kelewatan memenuhi permintaan dan ada yang terpaksa ditutup disebabkan oleh pemberhentian bekalan input. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac lalu, hanya perniagaan barangan keperluan asas sahaja yang beroperasi.

Selain itu, berlaku gangguan logistik terutamanya dalam kalangan syarikat perkilangan, gudang, dan industri pengangkutan yang disebabkan oleh penutupan sempadan. Dari segi permintaan, pandemik COVID-19 turut menyebabkan berlakunya perubahan dalam gaya hidup – didapati berlaku perubahan dalam corak perbelanjaan apabila banyak orang mula berbelanja secara dalam talian. Hal ini ditambah lagi dengan perubahan tingkah laku pengguna – rakyat Malaysia lebih mengutamakan pembelian barangan yang perlu sahaja, iaitu pengurangan dalam perbelanjaan untuk rekreasi dan perjalanan.

Dalam hal ini, pandemik COVID-19 juga mengakibatkan terputusnya sumber pendapatan apabila banyak pihak diberhentikan kerja. Kajian Jabatan Statistik (2020) mendapati bahawa tiga sektor yang melaporkan pemberhentian pekerja (tertinggi) ialah perkhidmatan makanan dan minuman (35.4 peratus),



## Harapan Belanjawan 2021

TAHUN 2020 merupakan tahun penuh cabaran bagi Malaysia. Pandemik COVID-19 yang bermula di Wuhan, China, kini menjadi krisis kesihatan global.



perikanan (33 peratus) dan pembinaan (11 peratus). Selain itu, pandemik COVID-19 turut mengurangkan keupayaan dan kesanggupan isi rumah untuk berbelanja dan berlaku kejatuhan keuntungan dan penutupan perniagaan.

Senario ekonomi global dan Malaysia amat mencabar, seperti yang digambarkan dalam penguncupan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu berlaku peningkatan dalam kadar dan jumlah pengangguran, peningkatan kemiskinan dan perluasan jurang ekonomi. Oleh itu, Belanjawan 2021 perlu digubal berlatarbelakangkan senario ekonomi semasa dengan mengutamakan pemulihan ekonomi sekali gus mengembalikan keyakinan rakyat; mencari sumber pertumbuhan baharu untuk memacu ekonomi pascapandemik COVID-19; membina pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan pada tahun 2021 seperti yang diramalkan oleh Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan agensi penarafan antarabangsa; peningkatan defisit fiskal antara 5.8 peratus dengan 6.0 peratus pada tahun ini yang disebabkan perlaksanaan langkah fiskal untuk menghadapi cabaran COVID-19; dan memulihkan semula keyakinan pelabur asing.

Menurut Menteri Kewangan, Dato' Sri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, Belanjawan 2021 akan memfokuskan empat teras utama, iaitu memperkukuh kesejahteraan rakyat, mengupayakan kehidupan lestari, memperkasakan penyampaian kesihatan awam, dan memacu pertumbuhan ekonomi.

### **Teras 1: Memperkukuh Kesejahteraan Rakyat**

Untuk memperkukuh kesejahteraan rakyat, Belanjawan 2021 perlu memfokuskan kepada melindungi golongan yang terjejas dan memperkasakan dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. Penularan

COVID-19 telah meningkatkan kadar kemiskinan dan keterancaman. Kedua-dua keadaan ini berlaku disebabkan oleh PKP, iaitu banyak perniagaan ditutup, pekerja diberhentikan dan pendapatan berkurangan. Kajian oleh Jabatan Statistik (2020) menunjukkan sebanyak 67.8 peratus peniaga mengakui mereka tidak mempunyai pendapatan jualan sepanjang tempoh PKP. Didapati sebanyak 53.4 peratus responden menyatakan perniagaan mereka hanya boleh bertahan satu hingga dua bulan sahaja sekiranya mereka terpaksa mengekalkan pekerja. Menurut peniaga, terdapat tiga cabaran yang dihadapi semasa PKP, iaitu pembayaran gaji (76.5 peratus), tiada pelanggan (65 peratus) dan sewa premis (61.4 peratus). Sementara itu, sebanyak 96.6 peratus responden (dalam kalangan isi rumah) mengakui bahawa COVID-19 telah mengubah gaya hidup mereka. Hampir semua pekerja yang bekerja sendiri, iaitu 35.5 peratus melaporkan mengalami pengurangan pendapatan bulanan sebanyak 90 peratus dan lebih.

### **Teras 2: Mengupayakan Kehidupan Lestari**

Untuk mengupayakan kehidupan lestari, Belanjawan 2021 akan memberikan tumpuan kepada perspektif alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Di samping itu, belanjawan ini juga akan memastikan kelestarian untuk pekerja, pasaran, alam sekitar dan komuniti. Pandemik COVID-19 telah membuktikan bahawa perlu ada anjakan paradigma. Malaysia sebagai negara yang bergerak ke arah negara maju perlu memiliki keseimbangan dalam pembangunan. Pertumbuhan ekonomi yang lazimnya mengutamakan peningkatan dalam angka ekonomi KDNK, pendapatan garis kemiskinan dan nilai eksport dan import juga perlu ditambah baik. Pada hari ini, Malaysia berhadapan dengan pelbagai masalah

yang melanda negara, khususnya di bandar – daripada bencana alam sehinggalah bencana COVID-19 yang menuntut kepada satu bentuk kesabaran, iltizam dan ketabahan yang tinggi untuk mengatasinya. Oleh itu, Belanjawan 2021 harus menggalakkan pembangunan Malaysia yang berdaya tahan, kental daripada sebarang gangguan ekologi, ekonomi, dan sosial. Belanjawan 2021 diharapkan dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan sahaja maju daripada induktor ekonomi, tetapi juga dari segi indeks daya huni. Dalam Belanjawan 2021, kehidupan yang lestari seperti perlindungan alam sekitar, kitar semula, penjimatan tenaga, pengurangan pembaziran makanan dan pengurusan pembuangan sampah yang berhemah, perlu diutamakan. Di samping itu, usaha juga perlu diberikan kepada aspek mengutamakan peningkatan daya huni dan habitat manusia bagi penambahbaikan kualiti hidup rakyat Malaysia amnya dan penduduk bandar khususnya.

### **Teras 3: Memacu Pertumbuhan Ekonomi**

Kerajaan akan memfokuskan langkah untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan dalam KDNK 2021, meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan membina keyakinan pengguna. IMF meramalkan bahawa ekonomi ASEAN akan berkembang kepada 7.8 peratus dan Malaysia mampu mencecah sembilan peratus pada tahun 2021. Ada ahli ekonomi yang berasaskan pertumbuhan ini terlalu optimistik. Hal ini dikatakan demikian kerana pemulihan ekonomi pada tahun 2021 sangat bergantung pada sama ada pandemik COVID-19 akan hilang pada separuh kedua tahun 2020 yang membolehkan usaha pencegahan secara beransur-ansur dikurangkan dan memulihkan keyakinan pengguna dan pelabur.

Belanjawan 2021 dijangka akan menyaksikan lebih banyak sokongan dan insentif diberikan untuk memanfaatkan revolusi perindustrian dan teknologi digital bagi menghasilkan pelantar perdagangan dan pelaburan dalam talian yang lebih efisien dan efektif.

Belanjawan 2021 juga akan memberikan fokus kepada usaha penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam kalangan sektor awam dan swasta untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Transformasi digital merupakan usaha syarikat dan sektor awam dalam mempercepat perniagaan dan urusan pentadbiran dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). COVID-19 sebenarnya telah mempercepat proses transformasi digital di Malaysia. Oleh itu, Belanjawan 2021 dijangka akan menyaksikan lebih banyak sokongan dan insentif diberikan untuk memanfaatkan revolusi perindustrian dan teknologi digital bagi menghasilkan pelantar perdagangan dan pelaburan dalam talian yang lebih efisien dan efektif.

### **Teras 4: Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan Awam**

Belanjawan 2021 akan memberikan tumpuan kepada pemerksaan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan amat penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang

berterusan. Kerajaan diharapkan akan terus meningkatkan kecekapan perkhidmatan kaunter, pelesenan dan permit, pentadbiran tanah, perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT), pengurusan kualiti, pengiktirafan kecemerlangan, pengukuran prestasi, pengurusan aduan awam dan pembangunan TMK. Penambahbaikan yang berterusan ini akan dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga kerja penjawat awam. Hal ini juga diharapkan dapat memudahkan urusan perniagaan dan meningkatkan daya saing negara.

Belanjawan 2021 yang bakal dibentangkan digubal berlatarbelakangkan keadaan ekonomi yang penuh cabaran akibat penularan pandemik COVID-19. Belanjawan ini berteraskan empat tema, iaitu menjaga kebajikan rakyat, memacu ekonomi, kehidupan yang mampan serta menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Belanjawan 2021 diharapkan dapat memulihkan dan membangunkan semula ekonomi rakyat dan perniagaan. □